

Lelaki jual rantai yang dicuri daripada kakak dipenjara enam bulan

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini selepas mengaku bersalah menjual rantai emas yang dicuri daripada kakaknya pada Ogos lalu.

Tan Yian Ming, 38, yang tidak diwakili peguam, didakwa melupuskan harta curi itu di sebuah kedai emas di Jalan Tun Abang Haji Openg di sini pada 12 Ogos lalu, sekitar jam 10.15 pagi.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 16 September lalu, kakak tertuduh (pengadu) mendapati dompet miliknya telah hilang di rumah dan dia seterusnya melakukan pemeriksaan di dalam bilik.

Pengadu kemudian mendapati beberapa barangan miliknya serta kakaknya juga telah hilang, antara lainnya adalah beg tangan mewah berharga RM7,937, jam tangan pintar mewah berharga RM1,799, dompet bernilai RM299, telefon pintar ber-

harga RM600 serta beberapa barang kemas berjumlah RM5,000.

Melihatkan keadaan itu, pengadu menyoal tertuduh mengenai keberadaan barangan tersebut dan tertuduh mengaku telah mengambilnya, selain berjanji untuk memulangkannya semula.

Bagaimanapun sehingga kini, barangan tersebut masih gagal dikembalikan.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 23 September lalu.

Hasil siasatan membawa kepada penemuan sebuah kedai emas yang menjadi lokasi tertuduh menjual barang kemas milik pengadu.

Siasatan lanjut juga membawa kepada rampasan seutas rantai emas bersama sehelai resit jual beli emas, sekali gus mengesahkan bahawa barang kemas berkenaan merupakan milik pengadu yang telah dijual tanpa kebenaran.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin di hadapan Majistret Ling Hui Chuan.